

**Prestasi ekonomi Jepun positif buat kali pertama**  
**AFP News**  
**November 15, 2011**

TOKYO 14 Nov. - Buat pertama kali selepas dilanda bencana alam pada Mac lalu, ekonomi Jepun mula mencatatkan prestasi positif pada bulan Julai-September.

Pertumbuhan itu dirangsang oleh industri pembuatan kereta dan lain-lain industri yang mengalami penangguhan pengeluaran.

Bagaimanapun, para penganalisis memberi amaran pengukuhan yen dan kelembapan ekonomi global akan menjejaskan pemulihan negara matahari terbit itu.

Ekonomi ketiga terbesar di dunia itu mencatatkan pertumbuhan tahunan 6.0 peratus pada Julai-September, pertumbuhan terpanjang sejak Januari-Mac 2010.

Malah, prestasi itu adalah selari dengan jangkaan pasaran.

Banjir di Thailand telah menjejaskan tinjauan firma-firma Jepun, contohnya Sony dan Toyota sehingga memaksa kilang-kilang terjejas terpaksa ditutup dan mengakibatkan tinjauan pendapatan bagi setahun terjejas.

"Pertumbuhan positif hasil pemulihan rantaian bekalan selepas bencana," kata Motohisa Furukawa, Menteri Polisi Fiskal dan Ekonomi Jepun. Beliau bagaimanapun berpendapat pemulihan masih sederhana.

Bagi asas sukuan, Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 1.5 peratus pada Julai-September, berbanding penyusutan sukuan 0.3 peratus pada April-Jun.

Pemulihan eksport adalah sumbangan terbesar kepada pertumbuhan KDNK pada suku ketiga, diikuti oleh perbelanjaan swasta.

Bagi asas sukuan, eksport naik 6.2 peratus, manakala perbelanjaan swasta bertambah 1.0 peratus.

Meskipun para pengeluar Jepun meningkatkan pengeluaran lebih cepat daripada jangkaan awal, bagaimanapun pendapatan sukuan telah menunjukkan segala usaha dijejaskan oleh pengukuhan yen.

Baru-baru ini, yen telah mencatatkan kenaikan kadar tertinggi selepas Perang Dunia Kedua berbanding dolar Amerika Syarikat didorong peningkatan kemaruapan pasaran memandangkan krisis zon Eropah semakin ketara, walaupun kerajaan Jepun campur tangan.

Ketua Ekonomi Monex Securities, Naoki Murakami mengakui Jepun telah mengalami pertumbuhan sementara yang tinggi kerana dalam proses mengembalikan keadaan seperti mana asalnya.

"Ekonomi dijangka lembap kepada pertumbuhan perlahan dari bulan Oktober-Disember disebabkan pengukuhan yen yang mengakibatkan pendapatan korporat menyusut dan penangguhan permintaan pembinaan semula," ujar Murakami.

Para penganalisis berkata, impak ekonomi disebabkan banjir di Thailand akan diperolehi pada data suku keempat, dengan eksport ke Eropah juga dijangka merosot.

Jepun diunjur melebihi bajet 12.1 trilion yen (RM468 bilion) untuk membiayai pembinaan semula dan merangsang ekonomi selepas bencana alam.

- AFP

Copyright © AFP 2011

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1115&pub=Utusan\\_Malaysia&ec=Ekonomi&pg=ek\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1115&pub=Utusan_Malaysia&ec=Ekonomi&pg=ek_02.htm)